

10/12/1999

Enam muka baru dilantik Exco Johor

Daud Awang

JOHOR BAHRU, Khamis - Enam muka baru dipilih menyertai empat muka lama dalam barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Johor di bawah kepimpinan penggal kedua Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman.

Menteri Besar serta lapan daripada 10 anggota Exco terbabit akan mengangkat sumpah jawatan masing-masing di hadapan Sultan Johor di Istana Besar, di sini, jam 10 pagi esok.

Dua lagi akan berbuat demikian selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) yang bersidang pada 18 Disember ini secara formaliti, akan meluluskan pindaan perlembagaan membolehkan 10 anggota Exco dilantik berbanding lapan sebelum ini.

Selain itu, pindaan juga akan dibuat bagi membolehkan Timbalan Speaker DUN Johor dilantik di kalangan bukan ahli Dewan. Sebelum ini, DUN Johor tidak mempunyai timbalan speaker.

Abdul Ghani mengumumkan senarai Exco itu kepada media di kediaman rasminya di Saujana, di sini, hari ini, selepas menyampaikan surat pelantikan kepada semua Exco terbabit.

Beliau berkata, pelantikannya sebagai Menteri Besar dan pemilihan barisan Exco sudah diperkenan Sultan Johor selepas beliau menghadap di Istana Bukit Serene, malam tadi.

Enam muka baru anggota Exco itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sepinang, Othman Jais, 52, bagi portfolio Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar; Datuk K S Balakrishnan, 55, (Pasir Gudang), Perpaduan dan Kebajikan Masyarakat; Hamzah Ramli, 52, (Parit Yaani), Hal Ehwal Agama;

Samat Aripin, 49, (Jorak); Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Perumahan; Ahmad Zahri Jamil, 50, (Sri Medan), Pendidikan dan Guna Tenaga, Belia, Sukan dan Kebudayaan serta Md Salikon Sarpin, 46, (Sungai Balang), Pembangunan Industri, Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana, Sains dan Teknologi.

Dua daripada empat muka lama dikekalkan di portfolio masing-masing iaitu Datuk Dr Chua Soi Lek memegang portfolio Pelancongan dan Alam Sekitar manakala calon tunggal kuota wanita, Halimah Mohamed Sadique (Pembangunan Keluarga, Hal Ehwal Wanita dan Kesihatan).

Dua lagi ditukar ke portfolio baru iaitu Datuk Jimmy Low Boon Hong bagi portfolio Kerajaan Tempatan dan Adam Abdul Hamid bagi portfolio Kerjaraya dan Kemudahan Awam.

Jimmy sebelum ini bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan manakala Adam sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Industri Kecil Sederhana dan Kerajaan Tempatan.

Adun Rengit yang sebelum ini memegang portfolio Kerjaraya dan Kemudahan Awam, Datuk Zainalabidin Mohamed Zin dilantik sebagai Speaker Dewan Undangan negeri, menggantikan Datuk Mohd Ali Hassan yang bertanding kerusi Parlimen pada pilihan raya lalu.

Abdul Ghani berkata, sebelum ini beliau sudah mendapat surat pelantikan Menteri Besar daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan di Putrajaya, kelmarin.

Beliau berkata, pemilihan barisan Exco Johor dan Speaker Dewan Undangan Negeri turut dipersetujui Dr Mahathir.

Selain jawatan Menteri Besar, Abdul Ghani turut memegang portfolio Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan.

(END)